

# Tiga badan dapat dana \$80,000 basmi aktiviti seludup manusia

TIGA saranan yang bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kegiatan penyeludupan manusia di sini dikecil pasti dan akan menerima geran berjumlah \$80,000 daripada Pasukan Bertindak Antara Agensi Singapura mengenai Penyeludupan Manusia (TIP).

Dana itu akan diagihkan di bawah Geran Kesedaran Awam TIP, yang dilancarkan Januari lalu bagi membantu mereka yang ingin bersama membasmi kegiatan penyeludupan manusia.

Pengerusi bersama pasukan bertindak tersebut, Encik Ng Yeow Boon, berkata geran itu sebahagian daripada usaha mendekati lebih ramai anggota masyarakat.

“Kami gembira dengan respons yang diberi dan berharap akan melihat idea-idea ini terlaksana,” kata Encik Ng.

Sebanyak lima saranan dikemukakan apabila permohonan bagi geran itu dibuka.

Semua saranan disemak dan dinilai berdasarkan merit dan keupayaannya membantu menggalak dan membangunkan program mencegah penyeludupan manusia.

Tiga daripada saranan itu terpilih.

Saranan yang dipilih datang daripada badan sukarela EmancipAsia; permohonan bersama UN Women dan Pertubuhan Kemanusiaan bagi Ekonomi Migrasi (Home); dan permohonan bersama

Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Pergurusan Singapura (SMU).

Geran yang diagih akan digunakan untuk usaha mengumpul maklumat, acara dan pameran, anjuran sidang dan seminar awam.

EmancipAsia antara lain akan mengajurkan pameran, sementara UN Women dan Home pula sidang antara sektor yang mengupas isu penyeludupan manusia.

NUS dan SMU akan mengadakan dua seminar awam menyentuh topik penyeludupan pekerja dan seks.

Pasukan Bertindak Antara Agensi Singapura mengenai Penyeludupan Manusia dibentuk pada 2010 bagi menangani ancaman kegiatan penyeludupan manusia di negara ini.

Pasukan bertindak itu diterajui bersama Kementerian Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Tenaga Manusia.

Anggota pasukan bertindak itu terdiri daripada wakil daripada agensi seperti pasukan polis dan Penguasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan (ICA) serta kementerian, seperti Kementerian Undang-Undang dan Kementerian Ehwal Luar.

Matlamatnya ialah menyelaras dan melaksana strategi menyeluruh dalam membasmi kegiatan penyeludupan manusia.